

Rahsia bakal doktor dari USIM johan kategori juzuk 1-30 (perempuan)

Manfaatkan masa menghafaz al-Quran

Oleh NAZARUDIN SHAHARI
nazarudin.shahari@utusan.com.my

SEREMBAN 20 Feb. - Memanfaatkan sepenuhnya setiap masa yang terluang adalah rahsia yang membolehkan bakal doktor dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Norzuhairah Rusmani, 25, muncul johan kategori juzuk 1-30 (perempuan) Majlis Hafazan al-Quran peringkat negeri tahun ini.

Pelajar tahun lima Fakulti Perubatan itu berkata, masa yang padat menyebabkan beliau perlu mengulang kaji semula hafazan termasuk ketika memandu kereta sepanjang perjalanan dari rumah di Gombak ke USIM.

Beliau yang sudah berumahtangga dengan Dr. Haffriz Mohd. Zainuddin dan mempunyai seorang anak berusia setahun memberitahu, ini adalah kali ketiga beliau muncul johan selepas meraih gelaran yang sama pada 2009 dan 2011.

"Cabaran kali ini lebih berat memandangkan kali ini saya sudah pun berkeluarga dan mempunyai seorang anak," katanya ketika ditemui selepas majlis penutup dan penyampaian hadiah program berkenaan di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi di sini kelmarin.

Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz ibni Almarhum Tuanku Munawir berkenan berangkat ke majlis itu dan menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Sementara itu johan kategori juzuk 1-30 (lelaki), Mohamad Omar Mansu, 19, berkata, keupayaan menghafaz al-Quran dengan baik turut bergantung kepada pengambilan makan dan minum dalam kalangan penghafaz.

Katanya, beliau mengelak daripada memakan makanan yang masam kerana percaya itu mampu me-

ningkatkan daya hafazan.

"Setiap hari, saya menggunakan masa selepas solat Subuh dan Maghrib untuk menghafaz al-Quran," katanya.

Johan kategori juzuk 1-10 (perempuan), Fathin Izzaty Fahmi, 16, pula memberitahu, beliau bangkit daripada penyertaan sebanyak dua kali dalam pertandingan pada 2012 dan tahun lalu sebelum muncul juara pada tahun ini.

Pelajar Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Gemencheh itu berkata, kejayaan kali ini mendorongnya untuk meningkatkan hafazan sehingga juzuk ke-20 dan berdoa supaya hasratnya itu tercapai.

"Dengan bantuan rakan-rakan dan para guru saya mahu memantapkan hafazan daripada semasa ke semasa," katanya yang bercita-cita untuk menjadi doktor gigi yang menghafaz al-Quran.

Pada tahun ini, naib johan kategori juzuk 1-30 (lelaki) diraih oleh Muhammad Afiq Azharuddin dan tempat ketiga, Sy. Muhammad Izuddin Sy. Rohaizat.

Para hakim pertandingan juga telah memutuskan tidak ada peserta yang layak untuk naib johan dan tempat ketiga bagi kategori juzuk 1-30 (perempuan).

Johan bagi kategori juzuk 1-20 (lelaki) dimenangi oleh Muhammad Syazani Jemy, naib johan, Mohd. Shukri Mohd. Yusof dan tempat ketiga, Muhammad Hariz Mohd Jamil.

Johan wanita bagi kategori yang sama disandang oleh Nur Syafikah Abd Aziz, naib johan, Syaurah Ishak dan tempat ketiga, Nur Husna Mohd. Yasin.

Tempat pertama kategori juzuk 1-10 (lelaki) dimenangi oleh Ammar Azizi Hasri manakala naib johan pula diraih oleh Ahmad Syahid Ahmad Lutfi dan tempat ketiga, Shahrul



SEBAHAGIAN pemenang pelbagai kategori bergambar semasa majlis penutup Hafazan al-Quran peringkat negeri tahun ini di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi.

SEBAHAGIAN pelajar Tahfiz yang hadir pada majlis penutup Hafazan al-Quran peringkat negeri tahun ini di Pusat Dakwah Islamiah, Paroi.

Hanifi Shahrul Yusri.

Sementara itu, naib johan bagi kategori juzuk 1-10 (perempuan) dimenangi Nurliyana Mohamad Asri dan tempat ketiga, Fathiah Ahmad Fuad.

Para pemenang membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah antara RM700 hingga RM3,000, piala iringan dan sijil penyertaan.

